

TARIKH	SELASA, 4 JANUARI 2022
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	PM DIJANGKA GUGUR TIGA MENTERI KABINET
M/S	7
BIDANG	CIVIL SERVICES
KATA KUNCI	CIVIL SERVICES



PERDANA Menteri dikatakan bakal menggugurkan tiga orang menteri.

Didakwa gagal tangani isu banjir dengan berkesan

# PM dijangka gugur tiga menteri Kabinet

Oleh LUQMAN RIDHWAN  
MOHD. NOR

**PUTRAJAYA** – Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dikatakan bakal merombak Kabinet dalam masa terdekat dengan tiga orang menteri bakal digugurkan daripada jawatan disandang mereka.

Menurut sumber, dua daripada mereka dikatakan daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), manakala seorang lagi merupakan pemimpin UMNO.

Ia didakwa kerana kegagalan mereka menguruskan bencana banjir yang melanda negara baru-baru ini dan mengundang pelbagai kritikan terhadap kepimpinan menteri-menteri tersebut.

Kegagalan mereka berhadapan

dengan krisis banjir itu sekali gus dikatakan mencalar kredibiliti kerajaan Perikatan Nasional (PN) yang dipimpin Ismail Sabri.

Perdana Menteri dihabarkan bakal mengadakan pertemuan dengan Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi membincangkan perkara berkenaan.

Antara menteri yang mengundang kritikan baru-baru ini termasuklah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad serta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun.

Abdul Latiff dikritik kerana didakwa gagal dalam tugasnya ketika banjir dan menjadi punca Agensi Pengurusan Bencana

Negara (Nadma) yang berada di bawah tanggungjawabnya lambat memberikan respons terhadap bencana itu.

Kegagalan Nadma tersebut menyebabkan bantuan lewat tiba di lokasi yang terjejas banjir, antaranya di Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam.

Rina pula kerap mengundang kontroversi ketika bencana, antaranya turun padang melawat kawasan banjir dengan memakai kasut tumit tinggi dan menyebabkan orang ramai mengecam penampilannya itu.

Paling mendapat kecaman adalah apabila beliau dirakam mencuci koridor dan longkang sebuah pusat pemindahan sementara, sehingga ia mendapat liputan media luar negara.

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
2-M.HAFIDZUDIN (S19), BPM  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM